
SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN MALAYSIA

**Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
April 2006**

Kata-Kata Aluan



ISI KANDUNGAN :

	Muka Surat
Kata-Kata Aluan	iii
1. Pendahuluan	1
2. Skim Jururawat Pergigian	3
3. Pembangunan Kerjaya	7
4. Senarai Tugas Jururawat Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia	8
5. Senarai Tugas Jururawat Pergigian di Klinik Pakar	18
6. Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)	24
7. Senarai Bahan Bacaan untuk PTK	26

Jururawat Pergigian ialah sekumpulan anggota perkhidmatan awam dibidang pergigian yang menjalankan perkhidmatan pergigian yang terbatasi dari segi diagnosa, rawatan, pencegahan dan peningkatan kesihatan untuk kanak-kanak berumur 17 tahun ke bawah.

Latihan untuk Jururawat Pergigian adalah selama tiga tahun pada peringkat diploma. Jururawat Pergigian menjalankan tugas-tugas tertentu dalam sektor awam di bawah pengawasan Pegawai Pergigian sepertimana termaktub dalam Seksyen 38(4) Akta Pergigian 1971. Dengan demikian, mereka perlu mengetahui batas-batas tugas mereka dan merujuk kes-kes kepada Pegawai Pergigian bila mana perlu.

Malaysia adalah antara negara terawal dalam mewujudkan kategori anggota kesihatan pergigian ini. Jururawat Pergigian menjalani latihan di Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan Kolej Latihan Pergigian Malaysia, Pulau Pinang selama 3 tahun.

Tugas-tugas dan tanggungjawab Jururawat Pergigian yang tertera di dalam buku ini dapat memberi panduan dalam pelaksanaan tugas bagi menepati kompetensi Jururawat Pergigian disemua peringkat.

Sekian.

Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Bin Wan Othman
Pengarah Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENDAHULUAN

Jururawat Pergigian merupakan kumpulan Ahli Sains Kesihatan Bersekutu (*Allied Health Professional*) yang memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan pergigian kepada kanak-kanak pra-sekolah, murid-murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Kumpulan ini bertanggungjawab memberi perkhidmatan pergigian yang spesifik untuk mencapai matlamat supaya masyarakat mempunyai kesihatan mulut yang optimum.

Profesyen Jururawat Pergigian telah berkembang dengan pesatnya semenjak ianya diwujudkan pada tahun 1948. Pada tahun yang sama Perkhidmatan Pergigian Sekolah dilaksanakan. Pada mulanya Jururawat Pergigian hanya dihadkan dengan membuat tampalan, cabutan gigi susu, pendidikan kesihatan pergigian termasuk pergigian pencegahan. Tugas-tugas ini khusus untuk murid-murid sekolah di bawah umur 12 tahun. Selepas itu baru dibenarkan membuat tampalan gigi kekal. Ianya bermula dimana kerajaan telah meluluskan Skim Jururawat Pergigian yang bertaraf sijil.

Pada 1975 skop tugas Jururawat Pergigian telah berkembang dimana mereka dibenarkan untuk merawat kanak-kanak sehingga berumur 17 tahun. Disamping itu mereka diberi kepercayaan untuk membuat tampalan gigi hadapan mengguna bahan tampalan sewarna. Jururawat Pergigian juga telah dipeturunkan beberapa tugas kepakaran melalui latihan pos basik seperti pengendalian kanak-kanak istimewa, ortodontik, pergigian pediatrik, periodontik dan bedah mulut mulai tahun 1993.

Dengan perkembangan tugas, pada tahun 1996 kurikulum Jururawat Pergigian telah dikaji semula dengan penambahan dan perluasan skop tugas dan kerajaan telah mengiktirafkan Sijil Kejururawatan Pergigian ke taraf Diploma. Sejak itu skop tugas Jururawat Pergigian berubah mengikut keperluan semasa sejajar dengan keperluan diploma. Gred jawatan juga telah ditambah dari tiga (3) ke lima (5) iaitu dari Gred U29, U32, U36 ke Gred U29, U32, U36, U38 dan U40. Nama Sekolah Latihan Pergigian Malaysia juga telah ditukar ke Kolej Latihan Pergigian Malaysia.

Pada tahun 2005 Skim Jururawat Pergigian ditambah satu lagi gred iaitu kenaikan pangkat secara lantikan (KPSL) ke Perkhidmatan Pengajar (U41)

dan Pegawai Sains (C41) mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan tersebut.

Di seluruh Malaysia Ketua Penyelia Jururawat Pergigian merupakan jawatan yang tertinggi dalam Skim Jururawat Pergigian iaitu gred U40 yang di tempatkan di Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat satu lagi jawatan Jururawat Pergigian gred U40 di peringkat negeri iaitu di Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / TPKN(G). Jururawat Pergigian dari pelbagai gred yang lain di tempatkan sama ada di Bahagian Kesihatan Pergigian, KKM, atau di peringkat negeri seperti di Pejabat TPKN(G), di daerah dan di klinik /klinik pakar.

Buku ini mengandungi senarai tugas dan tanggungjawab Jururawat Pergigian pelbagai gred di Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektifnya adalah untuk:

- meningkatkan kesedaran di kalangan anggota pergigian, tugas dan tanggungjawab kumpulan Jururawat Pergigian selain dari kumpulan mereka sendiri;
- panduan pegawai-pegawai yang menjaga merumuskan tugas-tugas dan tanggungjawab Jururawat Pergigian di bawah jagaan mereka;
- Memudahkan kajisemula tugas-tugas dan tanggungjawab Jururawat Pergigian mengikut keperluan.

SKIM KEJURURAWATAN PERGIGIAN

SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT PERGIGIAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred Jadual Gaji Matriks

Gred U29 : P1T1 RM 928.55 - P1T27 RM2445.89
P2T1 RM 985.42 - P2T27 RM2623.76
P3T1 RM1044.71 - P3T27 RM2781.06

Gred U32 : P1T1 RM1567.43 - P1T20 RM2925.05
P2T1 RM1683.59 - P2T20 RM3227.55

Gred U36 : P1T1 RM2445.89 - P1T11 RM3617.17
P2T1 RM2616.50 - P2T11 RM3999.53

Gred U38 : P1T1 RM3023.06 - P1T8 RM3954.76
P2T1 RM3304.99 - P2T8 RM4312.92

Gred U40 : P1T1 RM3555.46 - P1T7 RM4513.78
P2T1 RM3893.05 - P2T7 RM4923.97

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) warga negara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Diploma Kejururawatan Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29:P1T6);

	dan (d) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN	2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Jururawat Pergigian Gred U29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Jururawat Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.
KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN	6. Jururawat Pergigian Gred U29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Jururawat Pergigian Gred U29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan (c) diperakui oleh ketua perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36

KENAIKAN PANGKAT KE GRED U38

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
9. Jururawat Pergigian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
10. Jururawat Pergigian Gred U29 adalah layak di pertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U32 yang kosong apabila telah :-
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
11. Jururawat Pergigian Gred U32 adalah layak di pertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U36 yang kosong apabila telah :-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
12. Jururawat Pergigian Gred U36 adalah layak di pertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U38 yang kosong apabila telah :-
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN
PANGKAT KE
GRED U40**

13. Jururawat Pergigian Gred U38 adalah layak di pertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U40 yang kosong apabila telah :-


- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN
PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENGAJAR DAN
PEGAWAI SAINS**

14. Jururawat Pergigian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 dan Pegawai Sains Gred C41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu berkuat kuasa pada 1.11.2001 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001, JPA(S)71/3 Klt. 2 (3).

PEMBANGUNAN KERJAYA JURURAWAT PERGIGIAN



SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN U40 KETUA PENYELIA JURURAWAT PERGIGIAN

Bertanggungjawab kepada Pengarah Kesihatan Pergigian Malaysia dalam menjalankan tugas berikut:

1. Mengkaji, menilai dan mencadangkan dasar-dasar yang melibatkan amalan pergigian, kebajikan dan disiplin kejururawatan pergigian
2. Mengkaji dan mencadangkan penempatan untuk perantaraan pertama dan pertukaran di antara negeri bagi semua anggota auksiliari pergigian (Jururawat Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian)
3. Menyediakan piawai senarai tugas bagi semua anggota auksiliari pergigian – senarai tugas
4. Mengkaji keperluan dan merancang program peningkatan pengetahuan dan kemahiran berterusan bagi bidang masing-masing
5. Mengumpul dan menganalisa maklumat untuk tujuan pembangunan berterusan sumber auksiliari pergigian
6. Mengkaji semula dan mencadangkan secara berkala, skop tugas dan perkembangan peranan bidang kejururawatan pergigian bersesuaian dengan keperluan semasa
7. Mengkaji dan mencadangkan unjuran keperluan Jururawat Pergigian dan Pembantu Pembedahan Pergigian bagi perkhidmatan pergigian awam
8. Menganalisa maklumat bagi menentukan keperluan alat kelengkapan pergigian tertentu bagi perkhidmatan auksiliari pergigian dan membantu dalam proses pembelian di peringkat pusat, alat kelengkapan tersebut.
9. Tugas-tugas lain yang diarahkan.

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN U40

Bertanggungjawab kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Perkhidmatan Pergigian selepas ini disebut TPKN(G) dalam menjalankan tugas berikut :

1. Mengkaji, menilai dan melaksanakan dasar-dasar yang melibatkan amalan pergigian, kebajikan dan disiplin kejururawatan pergigian. urusan melaksanakan cadangan dasar pembangunan, perancangan, pengawalseliaan dan penilaian program kesihatan pergigian yang dijalankan oleh anggota kejururawatan pergigian. Ini termasuk mengenalpasti masalah, mencadangkan alternatif pemulihan, menilai keberkesanan aktiviti pergigian, membantu dalam merancang, menyelia dan menyelaraskan garis panduan mengikut disiplin jabatan bagi memastikan aktiviti berjalan lancar serta mencapai matlamat dan objektif .
2. Mempastikan cadangan dan rancangan dari Kementerian yang dilaksanakan berkaitan dengan dasar-dasar peraturan yang melibatkan peranan, tugas dan proses kerja anggota kejururawatan pergigian, pembantu pembedahan pergigian dan anggota sokongan.
3. Menilai kedudukan perjawatan dan membuat pengagihan semua anggota kejururawatan pergigian termasuk pelatih serta pembantu pembedahan pergigian dengan mengambil kira kebolehan dan kesesuaian mereka serta keperluan perkhidmatan. Ini termasuk pengurusan semua data dan rekod berkaitan.
4. Mengkaji dan menilai serta mengambil tindakan susulan ke atas data-data maklumat pergigian (SMKP & QAP) yang telah dikumpulkan di peringkat negeri dan mengesyorkan langkah-langkah untuk meningkatkan prestasi program kesihatan pergigian.
5. Memantau dan menilai hasil kerja (out-put), hasil aktiviti (outcome of care) dan imput tahap kesihatan pergigian yang dilaksanakan oleh Jururawat Pergigian.

6. Memastikan Pasukan Pergigian Bergerak mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.
7. Merancang latihan dalam pendidikan berterusan untuk kejururawatan pergigian, pembantu pembedahan pergigian dan anggota sokongan.
8. Merancang, menyelaraskan, mengkaji dan mengambil tindakan pemulihan bagi aktiviti promosi kesihatan pergigian yang dijalankan.
9. Tugas-tugas lain yang diarahkan

**SENARAI TUGAS
JURURAWAT PERGIGIAN U38**

Bertanggungjawab kepada TPKN(G) dalam menjalankan tugas berikut :

1. Merancang, melaksana dan mengawalselia serta menilai program rawatan pergigian.
2. Memantau standard kesihatan dan mengkaji serta menilai keberkesanan QAP serta menilai perangkaan penting mengenai beban kerja laporan-laporan dan hasil kajian untuk merangka norma perjawatan.
3. Menyedia garis panduan pelaksanaan program rawatan pergigian serta mengawalselia.
4. Menguruskan semua perkara mengenai penentuan teknologi perkhidmatan pergigian.
5. Mengadakan kemudahan perundingan bagi pengurusan perkhidmatan pergigian rawatan.
6. Mengadakan latihan termasuk latihan pos-basik yang dirancang oleh Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia bagi semua anggota kejururawatan pergigian dan anggota sokongan.
7. Penyelidikan Sistem Kesihatan

Melaksanakan penyelidikan sistem kesihatan dalam menyelesaikan masalah harian. Kaedah penyelidikan sistem kesihatan digunakan secara menyeluruh untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan bagi menganalisa kekurangan dan kelemahan seperti :

-kawalan jangkitan
-restorasi
-bahan tampalan komposit gigi posterior
8. Mempastikan kawalan jangkitan dilaksanakan dengan betul dan sistematik

9. Memantau program pendidikan kesihatan pergigian
10. Mengkaji dan menilai keberkesanan aktiviti pendidikan kesihatan pergigian dan mengambil tindakan pemulihan.
11. Mengawaselia dan menilai prestasi anggota kejururawatan pergigian secara menyeluruh. Ini termasuk para pelatih yang menjalani amali di klinik-klinik pergigian.
12. Tugas-tugas lain yang diarahkan

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN U36

Bertanggungjawab kepada TPKN(G)/Pegawai Pergigian Kanan (SDO) dalam urusan merancang, melaksana, mengawalselia dan menilai program kesihatan pergigian seperti berikut :

1. Menjalankan Pengurusan Klinikal iaitu membimbing, memantau dan menilai aktiviti kesihatan pergigian di peringkat daerah dan negeri
2. Menjalankan Pengurusan Perkhidmatan Preventif iaitu membimbing, memantau dan menilai pelaksanaan aktiviti preventif seperti berikut :
 - 2.1 Pendidikan Kesihatan Pergigian
 - 2.2 Latihan Memberus Gigi
 - 2.3 Rawatan Sealan Fisur
 - 2.4 Berinteraksi dengan agensi luar di peringkat daerah / negeri
3. Menjalankan urusan promosi kesihatan pergigian iaitu merancang, membimbing dan memantau promosi kesihatan pergigian yang dilaksanakan oleh kejururawatan pergigian di peringkat daerah / negeri seperti berikut :
 - 3.1 Urusan persiapan pameran kesihatan pergigian
 - 3.2 Kempen kesihatan pergigian
 - 3.3 Bertindak sebagai koordinator dengan bahagian-bahagian lain di peringkat daerah / negeri
4. Menjalankan urusan Penentuan Kualiti Perkhidmatan Pergigian iaitu berkemahiran menyedia dan menganalisa data dan memantau pelaksanaan prosedur keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta jangkitan silang yang dijalankan oleh anggota bawahan.
4. Merancang, mengendali, memantau dan menilai aktiviti latihan dan pendidikan berterusan serta memberi ceramah di peringkat daerah / negeri
6. Tugas-tugas lain yang diarahkan

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN U32

Bertanggungjawab kepada Pegawai Pergigian Kanan (SDO) dalam urusan merancang, melaksana, mengawalselia dan menilai program kesihatan pergigian di daerah seperti berikut :

1. Menjalankan Pengurusan Klinikal iaitu berkemahiran mengaplikasi kaedah-kaedah dan teknik-teknik penyelenggaraan projek-projek di bawah program termasuk :
 - 1.1 Pemeriksaan dan diagnosis
 - 1.2 Memberi rawatan pergigian kepada kumpulan sasaran (murid sekolah sehingga berumur 17 tahun, kanak-kanak pra sekolah dan kanak-kanak istimewa)
 - 1.3 Mengendalikan pesakit
 - 1.4 Melaksanakan prosedur kawalan jangkitan sebelum, semasa dan selepas rawatan
 - 1.5 Memberi bimbingan serta memantau anggota bawahan dalam melaksanakan rawatan di peringkat daerah
 - 1.6 Memantau dan melaksanakan prosedur-prosedur kawalan jangkitan silang dan keselamatan kesihatan mengikut panduan sedia ada.
2. Menjalankan Pengurusan Perkhidmatan Preventif iaitu berkemahiran mengaplikasi dalam membantu menjalankan aktiviti:
 - 2.1 Memberi bimbingan, membuat penjadualan serta memantau pelaksanaan aktiviti preventif anggota bawahan di peringkat daerah.
 - 2.2 Berinteraksi dengan agensi luar di peringkat daerah
 - 2.3 Pemantauan dan membuat analisis serta menyediakan laporan bagi program sealan fisur.
3. Menjalankan urusan Pengalakan Kesihatan Pergigian iaitu berkemahiran dalam mengaplikasi pelaksanaan aktiviti :
 - 3.1 Membimbing dan memantau promosi kesihatan pergigian yang dilaksanakan oleh anggota kejururawatan pergigian di peringkat daerah.

3.2 Menyediakan laporan aktiviti PKP untuk tindakan susulan.

4. Menjalankan urusan Penentuan Kualiti Perkhidmatan Pergigian iaitu berupaya mengaplikasi dan melaksana aktiviti :
 - 4.1 Mengendali, memantau aktiviti latihan dan pendidikan berterusan anggota bawahan di peringkat kawasan dan daerah
 - 4.2 Membuat perancangan dan analisis di peringkat kawasan dan daerah
 - 4.3 Mangumpul dan membuat interpretasi data serta persembahan dalam bentuk graf di peringkat kawasan / daerah
 - 4.4 Menyediakan laporan dan membuat analisis berkaitan aktiviti Penentuan Kualiti Perkhidmatan Pergigian
5. Mengendali, memantau aktiviti latihan dan pendidikan berterusan anggota bawahan di peringkat daerah.
6. Tugas-tugas lain yang diarahkan

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN U29

Bertanggungjawab kepada Pegawai Pergigian Yang Menjaga (YM) dalam melaksanakan tugas berikut :

1. Menjalankan Pengurusan Klinikal iaitu mempunyai pengetahuan dan berkebolehan memahami dan mengaplikasi dalam membantu, merancang dan melaksanakan aktiviti :
 - 1.1 Pemeriksaan dan diagnosis
 - 1.2 Memberi rawatan pergigian kepada kumpulan sasar (murid sekolah sehingga berumur 17 tahun, kanak-kanak pra sekolah dan kanak-kanak istimewa).
 - 1.3 Mengendali pesakit
 - 1.4 Melaksanakan prosedur kawalan jangkitan sebelum, semasa dan selepas rawatan dan keselamatan kesihatan mengikut garis panduan sedia ada.
2. Menjalankan Pengurusan Perkhidmatan Preventif iaitu mempunyai pengetahuan dan berkebolehan memahami dan mengaplikasi aktiviti :
 - 2.1 Penyampaian mesej kesihatan pergigian
 - 2.2 Memberi nasihat pemakanan
 - 2.3 Teknik latihan memberus gigi
 - 2.4 Teknik pencegahan klinikal – Sealan Fisur
3. Menjalankan urusan Penggalakan Kesihatan Pergigian iaitu berpengetahuan dan berkebolehan dalam membantu dan melaksanakan aktiviti :
 - 3.1 Promosi Kesihatan Pergigian seperti kempen dan pameran
 - 3.2 Membantu menyediakan risalah dan poster pergigian
 - 3.3 Melibatkan diri dalam projek komuniti di bawah program kesihatan pergigian
4. Menjalankan urusan Penentuan Kualiti Perkhidmatan Pergigian iaitu mempunyai pengetahuan dan kefahaman dalam membantu aktiviti penyediaan dan pelaksanaan aktiviti :

- 4.1 Kemasukan data dalam Sistem Maklumat Kesihatan Pergigian
- 4.2 Mengumpul dan membuat interpretasi data serta persembahan dalam bentuk graf di peringkat kawasan
- 5. Mengambil bahagian dalam aktiviti latihan dan pendidikan berterusan
- 6. Tugas-tugas lain yang diarahkan

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN DI KLINIK PERGIGIAN PAKAR

SENARAI TUGAS

JURURAWAT PERGIGIAN DI BIDANG PERIODONTOLOGI

Bertanggungjawab kepada Pakar Periodontik dalam melaksanakan tugas berikut :

1. Tunjukajar Kesihatan Mulut (Oral Hygiene Instructions – OHI) seperti:
 - Memberi tunjukajar secara individu, teknik memberus gigi yang betul dan efisien kepada pesakit yang dirujuk untuk rawatan periodontium.
 - Aktiviti ini dibuat pada hari-hari yang tertentu di Klinik Periodontium secara temujanji.
1. Kaunseling Penyakit Periodontium secara memberi penerangan kepada pesakit mengenai etiologi, proses penyakit, latar belakang dan skim rawatan am (tidak termasuk aturan rawatan). Ini dilakukan pada hari-hari yang tertentu di Klinik Periodontium secara temujanji.
2. Pendidikan Kesihatan Pergigian mengenai Periodontologi seperti berikut:
 - Anatomi tisu peridontium
Morfologi tisu periodontium dan gigi
Epidemiologi penyakit periodontium
Diet dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan penyakit.
 - Kumpulan sasaran : Murid Sekolah Rendah, Murid Sekolah Menengah dan Ibu Mengandung.
4. Rawatan kepada pesakit:
 - 4.1 Rawatan yang simple seperti memeriksa dan mencatat indeks plak dan indeks gingiva.
 - 4.2 Pemproban poket dan kehilangan atakmen
 - 4.3 Penskaleran, pengetaman akar di bawah anestesia setempat
 - 4.4 Memonitor regim rawatan dan pengkalan

5. Klinikal Audit:

'Screening', pemeriksaan dan pengesanan penyakit-penyakit periodontium terutamanya bagi kategori peringkat awal.

Ini dilakukan di sekolah peringkat daerah dan negeri bagi mendapatkan data kejadian dan prevalens penyakit periodontium.

6. Tugas-tugas lain yang diarahkan

SENARAI TUGAS JURURAWAT PERGIGIAN DI BIDANG ORTODONTIK

Bertanggungjawab kepada Pakar Ortodontik dalam melaksanakan tugas berikut :

1. Rawatan Pesakit

- 1.1 Memeriksa, mendiagnosis, merancang rawatan pesakit yang diperlukan serta mengambil dan menginterpretasi radiograf (intra-oral)
- 1.2 Mengambil impresi model kajian untuk pesakit ortodontik
- 1.3 Memasang pengasing elastik profilaksis sebelum 'bonding' dan 'bending'.

2. Tunjukajar Kesihatan Mulut (Oral Hygiene Instructions).

Memberi tunjukajar secara individu, teknik memberus gigi yang betul dan berkesan kepada pesakit yang dirujuk untuk rawatan ortodontik. Ini dilakukan pada hari-hari yang tertentu di Klinik Ortodontik secara temujanji.

Memperkenalkan kepada pesakit jenis-jenis berus gigi khas (seperti "interdental tooth-brush" dan "V" tuft ortodontik toothbrush) yang sesuai untuk appliances tetap.

3. Kaunseling mengenai Rawatan Ortodontik seperti memberi penerangan kepada pesakit mengenai :

- 3.1 Jenis appliances ortodontik
- 3.2 Masalah dekalsifikasi karies dan penyakit periodontium berkaitan dengan pemakaian appliances ortodontik. Ini dilakukan pada hari-hari yang tertentu di Klinik Ortodontik secara temujanji.

4. Pendidikan Kesihatan Pergigian mengenai rawatan Ortodontik seperti :

- 4.1 Kepentingan penjagaan kesihatan mulut secara "Home-Care" pada masa rawatan aktif (seperti fluoride mouth rinse) untuk pesakit "high risk" yang memakai appliances tetap.

4.2 Diet – Makanan yang seimbang. Juga mengelakkan makanan yang keras yang boleh mematahkan appliances.

4.3 Kumpulan sasaran ialah pesakit yang akan memulakan rawatan aktif.

3. Rawatan kepada pesakit :

Memberi rawatan seperti profilaksi, penskaliran dan penggilapan sebelum, semasa dan selepas rawatan aktif, memonitor regim rawatan dan pengekalan (maintenance) semasa rawatan aktif dan juga pada peringkat "retention stage".

4. Tugas-tugas lain yang diarahkan.

**SENARAI TUGAS
JURURAWAT PERGIGIAN DI BIDANG PERGIGIAN PEDIATRIK**

Bertanggungjawab kepada Pakar Pergigian Pediatrik dalam melaksanakan tugas berikut :

3. Rawatan Pencegahan Klinikal.
 - 1.1 Penyapuan fluoride topikal.
 - 1.2 Sealant fisur .
 - 1.3 Profilaksis dan penskaliran supragingiva.
2. Kesihatan Mulut (oral Hygiene Instructions) :
 - 2.1 Memberi tunjukajar higin mulut secara individu, teknik dan posisi memberus gigi yang berkesan kepada pesakit kanak-kanak istimewa dan ibu/bapa/penjaga mereka yang dilakukan di klinik dan wad.
5. Pendidikan Kesihatan Pergigian
 - 3.1 Memberi penerangan mengenai kepentingan penjagaan diet dan kesihatan mulut secara “ home care” kepada semua pesakit kanak-kanak dan ibu / bapa atau penjaga mereka di klinik dan wad.
6. Tugas-tugas lain yang diarahkan.

**SENARAI TUGAS
JURURAWAT PERGIGIAN DI BIDANG PEMBEDAHAN MULUT**

Bertanggungjawab kepada Pakar Bedah Mulut dalam melaksanakan tugas berikut :

1. Tugas di Bilik Pembedahan :
 - 1.1 Membantu dalam prosedur rawatan di bilik pembedahan.
 - 1.2 Bertanggungjawab dalam pemeliharaan dan penyediaan alat-alat perkakas.
 - 1.3 Memastikan semua alat kelengkapan pergigian dibawa masuk ke bilik pembedahan dalam keadaan berfungsi dan steril.
 - 1.4 Profilaksis dan oral toilet.
 - 1.5 STO dan dressing.
2. Mempastikan kawalan jangkitan dilaksanakan mengikut prosedur.
3. Pendidikan Kesihatan Pergigian.
 - 3.1 Memberi nasihat ‘ Diet ‘
 - 3.2 Penjagaan higin mulut.
4. Tugas pengawasan aspek klinikal.
 - 4.1 Pemantauan (monitoring) tanda dan gejala selepas pembedahan.
 - 4.2 Memastikan troli kecemasan lengkap dan sedia digunakan .
5. Tugas-tugas lain yang diarahkan.

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

1. TUJUAN

Menggalakkan pembangunan diri anggota perkhidmatan awam melalui :
 Pembelajaran berterusan (CPD)
 Memantapkan budaya organisasi pembelajaran
 Melaksanakan pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi

Kaedah untuk menentukan pergerakan / anjakan gaji tahunan dan kemajuan kerjaya.

2. TAHAP KECEKAPAN

Penilaian Tahap Kecekapan melibatkan semua anggota pekhidmatan awam dan dilaksanakan melalui kaedah seperti berikut :

Gred	Tahap Kecekapan (TK)	Bentuk Penilaian
i. Kumpulan Pengurusan		
Gred Iantikan	TK I	Peperiksaan dan Kursus Kenegaraan
	TK II	Peperiksaan
Gred Kenaikan Pangkat	TK III	Kursus
	TK seterusnya	
ii. Kumpulan Sokongan		
Gred Lantikan	TK I	Peperiksaan dan Kursus Kenegaraan
	TK II	Peperiksaan
Gred Kenaikan Pangkat	TK III	Peperiksaan
	TK seterusnya	Kursus

- 2.2 Ketua Jabatan atau Ketua Perkhidmatan menggubal sukatan peperiksaan atau kursus berasaskan tugas dan peranan anggota.
- 2.3 Anggota perkhidmatan awam berpeluang mengambil Penilaian Tahap Kecekapan selepas disahkan dalam jawatan.
- 2.4 Anggota boleh memilih untuk tidak mengambil PTK tetapi masih layak mendapat pergerakan gaji secara biasa.

3. ASPEK YANG AKAN DINILAI

- 3.1 Kompetensi Umum
 - 3.1.1 Aspek Kompetensi Teras
 - 3.1.2 Aspek Kompetensi Profesional
- 3.2 Kompetensi Khusus
- 3.3 Mengetahui, mengaplikasi dan mengurus mengikut peranan dan tanggungjawab anggota berkenaan.

4. PELAKSANAAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- 4.1 Permohonan
 - Permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan.
- 4.2 Kelayakan / Syarat memohon
 - 4.2.1 Anggota yang memilih Opsyen Sistem Saraan Malaysia
 - 4.2.2 Telah disahkan dalam jawatan untuk menduduki TK I.
 - 4.2.3 Telah berada di peringkat gaji P2 untuk menduduki TK II.
 - 4.2.4 Telah berada dalam gred kenaikan pangkat untuk menduduki TK seterusnya.
 - 4.2.5 Anggota yang gagal boleh mengulangi peperiksaan sehingga lulus dengan perakuan Ketua Jabatan.

5. RUJUKAN

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4/2002 – Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan.

SENARAI BAHAN BACAAN UNTUK PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN

**SENARAI BAHAN BACAAN
UNTUK PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (KHUSUS)**

1. Guidelines on Infection Control in Dental Practice
(DSD, MOH 1996)
2. Oral Health Care for School Children
(DSD, MOH 1997)
3. Position Statement on Use of Dental Amalgam
(Malaysian Dental Council 2002)
4. Garis Panduan dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di
Makmal Pergigian
(Malaysian Dental Council 2002)
5. Guidelines for A School Based Fissure Sealant Programme
(2nd Edition-Oral Health Division, MOH 2003)
6. Guidelines Oral Health Care for the Elderly in Malaysia
(Oral Health Division, MOH 2003)
7. Guidelines Oral Health Care for Pre-School Children
(Oral Health Division, MOH 2003)
8. Buku Panduan Pendidikan Kesihatan Pergigian (1992)
9. Buku Nota Atendan Kesihatan Pergigian

Laman Web: <http://ohd.moh.gov.my/>